

NAMA
ANGKA GILIRAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
- 2. Jawab **semua** soalan.
- 3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
- 4. **Kertas jawapan** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

- 1 Jadual berikut menunjukkan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.

Ciri Negara Bangsa	Peranan
Rakyat	Setia kepada raja dan tidak menderhaka

Bagaimanakah rakyat menunjukkan ciri tersebut dalam kehidupan masa kini?

- A Mengejar kekayaan peribadi
 - B Mengkritik dasar kerajaan secara terbuka
 - C Menghormati simbol kedaulatan negara
 - D Mengamalkan semangat kenegerian
- 2 Kesultanan Melayu Melaka menjadi kerajaan Melayu yang unggul kerana
- I Berada di laluan yang strategik
 - II Pemerintah mempunyai wawasan
 - III Dinaungi kerajaan yang berhampiran
 - IV Mendapat bantuan dari luar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Apakah matlamat utama Revolusi Keagungan (1688) di England?
- A Menuntut kemerdekaan daripada penjajah
 - B Memperjuangkan persamaan hak antara kaum
 - C Membentuk sistem pemerintahan bercorak republik
 - D Menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat
- 4 Siapakah tokoh yang bekerjasama dengan Amerika Syarikat untuk mengusir Sepanyol dari Filipina?
- A Jose Rizal
 - B Emilio Aguinaldo
 - C Andres Bonifacio
 - D Sergio Osmena

- 5 Apakah tujuan utama penubuhan Kesatuan Melayu Singapura (KMS) pada tahun 1926?
- A Membantu British memerangi pengaruh komunis
 - B Menuntut kemerdekaan secara revolusi bersenjata
 - C Mencadangkan penyatuan dengan negara Indonesia
 - D Menggalakkan ahlinya bergerak aktif dalam pentadbiran

- 6 Tokoh berikut memberikan sumbangan penting kepada negara.

- Leftenan Adnan Saidi
- Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC

Mengapakah tokoh-tokoh tersebut perlu dihargai oleh generasi muda hari ini?

- A Mempertahankan institusi beraja
 - B Memperjuangkan kedaulatan negara
 - C Memajukan sistem ketenteraan negara
 - D Menjalin hubungan dengan negara luar
- 7 British Military Administration (BMA) merupakan pentadbiran tentera di Tanah Melayu yang bermula pada 12 September 1945.
- Apakah peranan pentadbiran tersebut?
- A Menghalang desakan orang dagang
 - B Menangani demonstrasi penduduk
 - C Memulihkan kepercayaan rakyat
 - D Melatih penduduk tempatan
- 8 Bagaimanakah British melumpuhkan gerakan nasionalisme di Sabah selepas Perang Dunia Kedua?
- A Menangkap pemimpin tempatan
 - B Menawarkan kenaikan pangkat
 - C Menggubal undang-undang
 - D Mengharamkan persatuan

- 9 Akhbar *Suara Rakyat* diterbitkan oleh golongan Melayu radikal pada tahun 1940-an.


Mengapakah akhbar tersebut diterbitkan?

- A Mengurangkan kemasukan golongan imigran
 - B Menyokong pemodenan sistem pentadbiran
 - C Menyekat penularan pengaruh media asing
 - D Memperluas idea kemerdekaan daripada penjajah
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu sebelum merdeka.

Tahun	1 Februari 1948
Peristiwa	Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap perjuangan orang Melayu?

- A Pengukuhan kuasa British
 - B Penggabungan parti-parti politik
 - C Pengiktirafan sebagai penduduk asal
 - D Penglibatan orang Melayu dalam pentadbiran awam
- 11 Gambar berikut menunjukkan keganasan Parti Komunis Malaya di Tanah Melayu.



Mengapakah Parti Komunis Malaya bertindak sedemikian?

- A Melemahkan hubungan rakyat
- B Menakutkan golongan imigran
- C Menghalang kerjasama pemimpin
- D Melumpuhkan ekonomi British

12 Apakah kesan pengisytiharan darurat terhadap negara kita?

- I Peningkatan kos perbelanjaan
 - II Perhubungan kaum renggang
 - III Pertambahan jumlah penduduk
 - IV Pengasingan kuasa politik
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

13 Maklumat berikut berkaitan dengan Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.

- Sukatan pelajaran yang seragam
- Bahasa pengantar yang sama

Apakah kepentingan penyata tersebut kepada negara?

- A** Meningkatkan imej negara
- B** Mewujudkan kestabilan politik
- C** Memupuk nilai kewarganegaraan
- D** Membangunkan ekonomi rakyat

14 Dato' Onn Jaafar telah mengasaskan Independence of Malayan Party (IMP) pada September 1951.

Mengapakah parti tersebut ditubuhkan?

- A** Menerima desakan daripada penjajah British
- B** Mengutamakan perpaduan antara kaum
- C** Memelihara kepentingan penduduk
- D** Menuntut keadilan sosioekonomi

- 15 Gambar berikut menunjukkan logo yang digunakan oleh Parti Perikatan pada tahun 1954.



Logo Parti Perikatan

Mengapakah Parti Perikatan memilih logo tersebut?

- A Kesediaan menempuh cabaran untuk kemerdekaan
 - B Kebebasan menentukan matlamat perjuangan
 - C Kekayaan negara dinikmati bersama
 - D Kejayaan perpaduan kaum
- 16 Mengapakah pilihan raya dilaksanakan?
- A Menggalakkan penubuhan parti politik
 - B Membentuk kerajaan yang mantap
 - C Menjimatkan perbelanjaan negara
 - D Meneruskan warisan negara

- 17 Maklumat berikut berkaitan keputusan Pilihan Raya 1955.


Parti	Jumlah Kerusi Dimenangi
Parti Perikatan	51 kerusi
Parti Islam Se-Tanah Melayu	1 kerusi

Mengapakah Parti Perikatan berjaya meraih undian yang banyak?

- A Manifesto yang menarik minat pengundi
- B Strategi kempen yang berkesan
- C Kerjasama politik antara kaum
- D Calon parti berwibawa



- 18 Gambar berikut menunjukkan ahli Kabinet Kerajaan Persekutuan pada tahun 1955.



- Apakah peranan kabinet pertama di negara kita?
- A Menjadikan kuasa Pesuruhjaya British bertambah
 - B Membolehkan parti politik mempunyai kuasa penuh
 - C Memastikan pentadbiran negara lebih lancar
 - D Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan rundingan yang dilakukan sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Tarikh	Peristiwa
18 Januari – 6 Februari 1956	Rundingan London

- Apakah persetujuan yang dicapai dalam rundingan tersebut?
- A Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan
 - B Pembentukan suruhanjaya untuk merangka perlembagaan
 - C Penetapan syarat mendapatkan kerakyatan
 - D Penubuhan Jawatankuasa Antara Kaum

- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan detik pemasyhuran kemerdekaan negara.

Bendera Union Jack telah diturunkan dengan diiringi lagu *God Save The Queen* pada malam 30 Ogos 1957.

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

- A Menandakan berakhir penjajahan Barat
 - B Mengesahkan kedaulatan Raja-raja Melayu
 - C Memberi penghormatan kepada kerajaan British
 - D Mengukuhkan kedudukan istimewa orang Melayu
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan pembentukan negara bangsa negara kita.

- Kemerdekaan Tanah Melayu 31 Ogos 1957
- Pembentukan Malaysia 16 September 1963

Apakah konsep yang boleh dikaitkan dengan pembentukan tersebut?

- A Kesamarataan
 - B Kesungguhan
 - C Kewibawaan
 - D Kedaulatan
- 22 Jenis kedaulatan manakah yang telah wujud sejak tamadun awal manusia?
- A Kedaulatan moden
 - B Kedaulatan antarabangsa
 - C Kedaulatan undang- undang
 - D Kedaulatan tradisional

23 Apakah sistem pemerintahan yang diperkenalkan oleh Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Demokrasi Berparlimen
- II Raja Berperlembagaan
- III Sistem monarki
- IV Sistem republik
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

24 Gambar berikut menunjukkan sidang akhbar yang diadakan di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 9 Ogos 1965.



Mengapakah berlaku persidangan akhbar tersebut?

- A Penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan
- B Pemisahan Singapura daripada Malaysia
- C Penentangan terhadap pendudukan Jepun
- D Pengisytiharan penubuhan gagasan Malaysia

25 Sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka adalah berlandaskan konsep Islam.

Apakah buktinya?

- A Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi
- B Ukiran Islam dijadikan hiasan istana
- C Sultan sebagai ketua agama Islam
- D Orang Melayu diberi keistimewaan

- 26 Maklumat berikut berkaitan peranan Majlis Raja-Raja.

Majlis Raja-Raja berperanan sebagai pengimbang dalam sistem demokrasi di negara kita.

Bagaimanakah Majlis Raja-Raja melaksanakan peranan tersebut?


- A Mengesahkan pelantikan anggota Jemaah Menteri
 - B Mempunyai kuasa budi bicara dalam kerajaan
 - C Memberi nasihat pelantikan jawatan penting
 - D Memperkenan rang undang-undang
- 27 Mengapakah Kerajaan Persekutuan diperuntukkan kuasa lebih besar berbanding Kerajaan Negeri?
- I Menjamin kestabilan negara
 - II Meningkatkan kemajuan
 - III Mewujudkan keadilan
 - IV Mengukuhkan perpaduan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 28 Gambar berikut menunjukkan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.



- Mengapakah mesyuarat tersebut dilaksanakan?
- A Melantik ketua kerajaan
 - B Mengukuhkan kuasa pemerintahan
 - C Menyeragamkan undang-undang negara
 - D Menyelaras pelaksanaan dasar kerajaan
- 29 Apakah konsep gagasan pembentukan Malaysia?
- A Penggabungan wilayah
 - B Pengukuhan kedaulatan
 - C Kemerdekaan bersama
 - D Kerjasama negeri
- 30 Apakah alasan Indonesia melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia?
- A Menggagalkan gagasan Melayu Raya
 - B Mengurangkan kuasa politik Melayu
 - C Mengancam kedudukan Indonesia
 - D Menggalakkan ancaman komunis

- 31 Apakah cabaran kerajaan dalam memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sabah dan Sarawak?
- A Negeri mundur
 - B Modal yang terhad
 - C Saiz negeri yang luas
 - D Kekurangan tenaga kerja
- 32 Rajah berikut menunjukkan operasi ketenteraan di Sarawak.



- Mengapakah operasi tersebut dilancarkan?
- A Menyekat kemasukan Barat
 - B Membendung pengaruh komunis
 - C Membanteras pendatang asing
 - D Menghalang pengaruh Jepun
- 33 Bagaimanakah kedudukan bahasa kebangsaan diperkukuhkan dalam Akta Pendidikan 1996?
- I Diiktiraf sebagai bahasa pengantar di sekolah
 - II Mata pelajaran wajib di semua institusi pengajian
 - III Kurikulum sekolah KBSR dan KBSM dilaksanakan
 - IV Program pendidikan bersepadu dilaksanakan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 34 Penganjuran Sukan Malaysia (SUKMA) telah diadakan secara bergilir-gilir. Apakah kesan daripada penganjuran sukan tersebut?
- A Menarik pelancong asing
 - B Menggalakkan integrasi antara negeri
 - C Mendapat pengiktirafan banyak pihak
 - D Meningkatkan nama dan imej negara
- 35 Dasar Ekonomi Baru bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Bagaimanakah cara untuk mencapai tujuan tersebut?
- A Membuka petempatan baharu
 - B Mengurangkan saham milik asing
 - C Mengurangkan kemasukan imigran
 - D Melaksanakan pembangunan wilayah
- 36 Apakah matlamat Amanah Saham Nasional (ASN) yang dilancarkan pada 20 April 1981?
- A Memudahkan bumiputera memiliki saham
 - B Membolehkan bukan bumiputera memiliki modal saham
 - C Mencapai perpaduan negara melalui pengagihan kekayaan
 - D Menghapuskan pengenalan kaum mengikut kegiatan ekonomi
- 37 Jadual berikut berkaitan kadar kemiskinan di Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 2000.

Tahun	1970	1990	2000
Kadar Kemiskinan	49.3 %	17.1 %	7.2 %

Mengapakah berlaku penurunan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat di Malaysia?

- A Penyusunan modal saham kepada bukan bumiputera
- B Pemberian subsidi kepada masyarakat bandar
- C Penambahan pendapatan isi rumah
- D Penyertaan bumiputera dalam projek perumahan

- 38** Afrika Selatan mengamalkan Dasar Aparteid.
Mengapakah Malaysia menentang dasar tersebut?
- A** Hubungan dagang terhad
 - B** Dasar komunis diamalkan
 - C** Kebebasan beragama disekat
 - D** Diskriminasi kaum dilaksanakan
- 39** Mengapakah Kepulauan Spratly menjadi rebutan Malaysia, China, Vietnam, Brunei dan Filipina?
- I** Kesuburan tanah
 - II** Keluasan wilayah
 - III** Kedudukan strategik
 - IV** Kepentingan perdagangan
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 40** Mengapakah Malaysia mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjadikan Antartika sebagai warisan manusia sejagat?
- A** Kaya dengan hasil bumi yang menguntungkan
 - B** Pusat penyelidikan dan kajian gas rumah hijau
 - C** Penerokaan didominasi sebahagian kecil negara
 - D** Melindungi ekosistem dan perubahan iklim dunia

